

25 JUN 1998

Daim-reaksi

PARA PEMIMPIN SAMBUT BAIK PELANTIKAN DAIM

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Para pemimpin kerajaan dan korporat hari ini menyambut baik pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Tugas-tugas Khas sambil berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengambil langkah yang tepat "menugaskan semula" bekas menteri kewangan itu untuk membantu memulihkan ekonomi negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata pelantikan penasihat ekonomi kerajaan itu akan meningkatkan hubungan antara Kabinet dengan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang Daim menjadi Pengarah Eksekutif.

Beliau berkata sebarang keputusan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara akan dapat dipercepatkan.

Sambil menyifatkan pelantikan itu sebagai tepat, Rafidah berkata "apabila pengarah eksekutif MTEN seorang anggota Kabinet, beliau bukan sahaja dapat memberi penerangan mengenai apa yang telah dilakukan oleh MTEN tetapi menteri-menteri yang bukan anggota MTEN juga dapat memberikan pandangan mereka kepada pengarah eksekutif."

Bercakap kepada pemberita selepas perasmian "SMI Showcase 1998" oleh Perdana Menteri di sini, Rafidah berkata tidak wujud pertindihan tugas antara kementerian beliau dan Daim.

"Bagi saya tidak ada pertindihan tugas. Daim akan berada di kementeriannya dan saya di kementerian saya," kata Rafidah.

Dengan kedudukannya sebagai Pengarah Eksekutif MTEN, Rafidah berkata sudah pasti Daim mahu mendapat maklum balas daripada rakan-rakan dalam Kabinet yang tidak menganggotai badan itu.

Bekas Menteri Kewangan itu akan mengangkat sumpah jawatan esok.

Pejabat Perdana Menteri semalam mengumumkan pelantikan Daim yang dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas berhubung soal pembangunan ekonomi.

Menteri Kerja Raya dan Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata Perdana Menteri telah membuat pilihan yang tepat dalam melantik Daim ke jawatan berkenaan.

"Jadi, pemilihan Tun Daim akan membawa lebih manfaat kepada negara melalui pengalaman beliau sebagai tokoh korporat dan bekas Menteri Kewangan," kata Samy Vellu selepas mengadakan perbincangan dengan Menteri Kerja Raya Karnataka, India, C.M. Udasi di pejabatnya.

Samy Vellu berkata beliau percaya Daim akan dapat membantu mengatasi kegawatan ekonomi melalui pengalaman luasnya.

"Perdana Menteri menyedari bahawa Tun Daim mempunyai kebolehan," kata beliau.

Di KOTA BAHARU, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed berkata pelantikan Daim mampu memberikan kekuatan baru kepada negara dalam usaha menangani masalah ekonomi sekarang.

"Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan Daim adalah gabungan tiga tiang kuat yang mampu memulihkan ekonomi negara," katanya.

Menurutnya melalui pelantikan itu beserta bantuan fikiran daripada pelbagai pihak lain, usaha membebaskan negara daripada kemelut ekonomi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Sahidan Kassim berkata beliau yakin dengan pengalaman Daim termasuk sebagai Pengarah Eksekutif MTEN, masalah ekonomi negara akan dapat diatasi secepat mungkin "atau

penghujung tahun ini."

Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Abdul Rahman Maidin berkata Daim adalah "pilihan yang paling tepat sebagai panglima untuk memerangi bencana ekonomi sekarang."

Beliau berkata DPMM menyambut baik pelantikan Daim kerana ia adalah paling wajar dan bertepatan dengan waktunya.

"Pada masa negara dilanda kemelut ekonomi yang paling sengit, segala tenaga yang boleh menyumbang ke arah penyelesaian perlu dimanfaatkan," katanya dalam satu kenyataan.

Rahman berkata kegawatan ekonomi kini berada pada tahap kritikal dan memerlukan tindakan segera.

"Untuk ini adalah jelas kerajaan memerlukan tenaga tambahan yang berwibawa dan dapat menumpukan seluruh perhatian kepada masalah yang dihadapi tanpa gangguan beban pentadbiran yang lain," katanya.

Di KOTA KINABALU, Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam turut mengalu-alukan pelantikan Daim yang beliau sifatkan sebagai mampu membantu memulihkan kegawatan ekonomi serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap usaha kerajaan mengatasi masalah itu.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman pula berkata Daim mempunyai pengalaman luas dan pergerakan itu mengalu-alukan sebarang usaha membawa negara keluar daripada kegawatan ekonomi.

-- BERNAMA

TM oba